



DR MAHATHIR bersalaman dengan pelajar selepas memberi ceramah 'Sekolah Bertaraf Dunia' di Sekolah Menengah Seremban 2, Seremban semalam. - Gambar oleh Owee Ah Chun

Tapis bahan lucah internet: Dr M

SEREMBAN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata penapisan lebih ketat bahan lucah menerusi internet perlu dilakukan segera untuk membendung masalah jenayah dan tahap disiplin pelajar yang kini membimbangkan.

Beliau berkata, perkara itu sudah dilakukan di beberapa negara seperti Jerman dan China yang dapat menyekat rakyat mereka daripada melihat bahan lucah seumpama itu di internet.

"Perkara ini kita boleh buat. Sekarang remaja berusia 15, 16 tahun tengok, mereka jadi macam gila, nampak perempuan, kanak-kanak, mereka naik sheikh. Suasana persekitaran sangat buruk... kita perlu tangani masalah ini dan mengenakan hukuman berat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Moral kita sudah teruk runtuh, tak ada moral langsung, kalau ada undang-undang, tak kuat kuasa pun tidak guna.

"Perkara paling penting bukan undang-undang tetapi usaha semua pihak... semua kena mainkan peranan, ibu bapa, masyarakat,"

katanya selepas menyampaikan ceramah umum *Sekolah Bertaraf Dunia* di Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 2, semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Sudan dan negeri, Datuk Rais Zainuddin, Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Rohani Shariff dan pengetua sekolah berkenaan, Datin Maznah Yusof.

Dr Mahathir berkata masalah jenayah di kalangan pelajar berpunca daripada suasana persekitaran yang buruk, manakala sebahagian lagi daripada sistem pendidikan.

Beliau kecewa disebabkan pelajar terbabit, terutama penuntut sekolah agama yang tidak mempunyai perasaan bersalah sehingga sanggup membelasah dan membunuh rakan mereka sendiri.

Katanya, kerajaan sudah melakukan apa yang boleh dalam memajukan sistem pelajaran, seperti mengadakan Sekolah Bestari, guru terlatih dan peralatan.